

BELIA MALAYSIA DAN SEKS SIBER : ISU, MASALAH DAN CABARAN PENYELESAIAN

Rohana Yusof
Syamsul Anuar Ismail
Sekolah Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah
Tel : 04-9283820/04-9284802
Fax : 04-9283892
E-mel : rohana@uum.edu.my
syamsul@uum.edu.my

Abstrak

Satu perkembangan yang amat ketara di dunia pada masa kini ialah berlakunya ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan memperlihatkan medium Internet muncul sebagai pemain utamanya. Hasil pengintegrasian pelbagai bentuk media, Internet kini menjadi alat komunikasi terpenting untuk mengirim dan bertukar-tukar maklumat melalui e-mel, menghantar, mewujudkan dan membaca mesej-mesej melalui newsgroup, melayari World Wide Wide (WWW), menonton siaran berita daripada laman web interaktif CNN atau berborak-borak di bilik chatting melalui perkhidmatan Internet Relay Chat – IRC. Namun begitu kehadiran Internet juga tidak terkecuali daripada impak-impak negatif. Salah satu daripadanya ialah aktiviti seks siber yang menjadi keghairahan golongan muda-mudi hari ini. Sebagai medium komunikasi baru yang bersifat interaktif, Internet sudah pasti menjanjikan keasyikan kepada pelayar web untuk mendapatkan bahan-bahan erotik dan lucu sama ada dalam bentuk gambar, video-video klip atau berborak-borak melalui IRC sehingga kepada mencari pasangan seks melalui Internet. Justeru kertas kerja ini cuba mengupas faktor-faktor yang mendorong belia-belia di Malaysia melibatkan diri di dalam aktiviti seks siber serta menilai kesan dan pengaruh aktiviti ini dalam kehidupan mereka dan cuba menyarankan beberapa penyelesaian. Seramai 303 orang ahli kumpulan newsgroup yang bertemakan seks di Malaysia secara sukarela bersetuju menjadi responden kajian dan menjawab soal selidik kajian secara online. Hasil dapatan kajian menunjukkan wujud perkaitan yang signifikan antara tempoh penggunaan Internet dengan kesan ke atas tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja responden dan ini membawa kepada implikasi sosial yang kurang menyenangkan khususnya dari aspek nilai-nilai kemanusiaan itu sendiri. Selanjutnya kertas kerja ini juga akan cuba menyarankan bagaimana peranan NGO dan keluarga serta agensi-agensi lain yang berkaitan dapat menangani isu dan permasalahan ini demi pembangunan belia khususnya dan negara amnya.

PERNYATAAN MASALAH

Fenomena penggunaan Internet merupakan satu arus baru dunia yang pantas telah memukau dan menarik perhatian ramai. Keupayaannya dalam menyalur maklumat dengan cepat dan keunikannya sebagai media 'dua dalam satu' yang bersifat interaktif

membezakan ia dengan media-media yang lain. Hasil pengintegrasian pelbagai media, Internet kini menjadi alat komunikasi terpenting untuk mengirim dan bertukar-tukar maklumat melalui e-mel, menghantar, mewujudkan dan membaca mesej-mesej melalui kumpulan *newsgroup*, melayari *World Wide Wide (WWW)*, menonton siaran berita daripada laman web interaktif CNN atau berborak-borak di bilik *chatting* melalui perkhidmatan *Internet Relay Chat – IRC*.

Namun, perkembangan pesat teknologi Internet juga turut tidak terkecuali daripada impak-impak negatif. Antara isu kontroversi yang hebat diperdebatkan adalah kemunculan aktiviti seks siber di kalangan para pengguna Internet. Young (1997) mendefinisikan aktiviti seks siber sebagai keghairahan melayari laman web lucah dan berborak-borak (*chat*) di *channel-channel* erotik secara kerap dengan tujuan untuk mendapatkan kepuasan seks.

Sebagai medium komunikasi baru yang mengintergrasikan pelbagai bentuk media yang berasingan ke dalam satu media, Internet sudah pasti menjanjikan keasyikan kepada pelayar web untuk mendapatkan bahan-bahan erotik dan lucah sama ada dalam bentuk gambar, video-video klip atau berborak-borak melalui IRC dan mencari pasangan seks melaluinya. Lebih mendukacitakan lagi elemen-elemen pornografi di Internet lebih sukar dibendung kerana sifat Internet yang begitu bebas berbanding dengan media-media lain yang mudah dikawal melalui penguatkuasaan undang-undang media yang sedia ada. Malah bahan-bahan lucah ini pula boleh diperolehi dengan mudah melalui komputer yang mempunyai sambungan Internet seperti di kafe-kafe siber, di rumah mahupun di pejabat.

Menurut laporan laman web Agenda Malaysia bertarikh 15 Ogos 2001, suatu kajian yang telah dijalankan oleh syarikat pemantau Internet, NetValue mendapati 41.2% daripada 9,411 laman web yang dilayari oleh pengguna-pengguna Internet di Britain adalah terdiri daripada laman web lucah. Malah dianggarkan kira-kira 3.6 juta daripada 10 juta pengguna Internet di negara itu dikesan sering melayari laman-laman web lucah dengan menghabiskan masa selama 45 minit melayarinya dalam tempoh seminggu. Lebih membimbangkan lagi apabila hasil kajian itu turut mendapati satu perlima dari jumlah tersebut adalah terdiri daripada golongan pelajar dan remaja.

Masyarakat Malaysia juga turut tidak terlepas daripada ancaman moral ini. Suatu kajian awal mengenai sikap dan pengaruh laman web lucah ke atas pengguna Internet di Malaysia telah dijalankan oleh seorang pensyarah Jabatan Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Rozmi Ismail. Rozmi (2001) dalam kajiannya telah mendapati daripada 200 mahasiswa yang dipilih sebagai sampel kajian, 30% daripada mereka telah mengaku mempunyai tabiat melayari laman web lucah atas alasan ingin melepaskan tekanan belajar. Tiga puluh peratus responden pula mengaku bahawa mereka telah melayari laman web lucah bagi tujuan hiburan manakala 20% pula berkata mereka bertindak sedemikian atas ajakan kawan. Selebihnya (20%) mendakwa hanya bertujuan untuk menghabiskan masa lapang.

Hasil kajian terkini oleh beberapa orang penyelidik telah berjaya membuktikan kewujudan fenomena ketagihan seks siber di kalangan para pengguna Internet sehingga meninggalkan kesan negatif ke atas aktiviti kehidupan sebenar mereka. Melalui hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Brenner (1997), Davis (2001), Griffiths (1997), Morahan-Martin (1997), Scherer (1997), Schneider (2000) dan Young (1997) mendapati terdapat perkaitan yang jelas antara kekerapan melayari Internet untuk tujuan seks siber

dengan kesan ke atas hubungan keluarga, prestasi akademik dan produktiviti kerja individu. Kajian oleh Cooper et al. (1999) mengenai kesan aktiviti seks siber ini juga turut mendapati wujud perkaitan yang signifikan antara tempoh penggunaan Internet dengan kesannya ke atas tingkahlaku seksual individu terbabit.

OBJEKTIF KAJIAN

Umumnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti profil demografi dan ciri-ciri penggunaan Internet oleh pengguna Internet Malaysia yang terlibat di dalam aktiviti seks siber secara aktif melalui pembabitannya secara langsung dalam kumpulan *newsgroup* yang bertemakan seks di Malaysia. Kajian ini juga cuba mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong mereka melibatkan diri dalam aktiviti tersebut dan kesan –kesan yang mungkin timbul akibat penglibatan mereka secara aktif di dalam aktiviti seks siber ini.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik memilih kaedah tinjauan melalui Internet dengan menggunakan borang soal selidik secara *online* atau *web-based survey* sebagai kaedah pengumpulan data. Sampel kajian adalah terdiri daripada ahli-ahli kumpulan *newsgroup* yang bertemakan seks di Malaysia. Seramai 303 orang ahli kumpulan *newsgroup* ini secara sukarela telah bersetuju menjadi responden kajian. Soal selidik bagi kajian ini dipecahkan kepada empat bahagian iaitu bahagian A; mengenai demografi responden, bahagian B; mengenai penggunaan Internet oleh responden, bahagian C; mengenai faktor penggunaan Internet manakala bahagian D; mengenai kesan aktiviti seks siber.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan. Kajian ini dijalankan ke atas pengguna-pengguna Internet di Malaysia yang menjadi ahli kepada beberapa kumpulan *newsgroup* yang bertemakan seks di Malaysia.

Latar belakang Responden

Seramai 303 orang responden yang terdiri daripada ahli-ahli kumpulan *newsgroup* yang bertemakan seks di Malaysia terlibat dalam kajian ini. Pecahan demografi yang merangkumi jantina, bangsa, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan dan kategori responden dapat ditinjau menerusi Jadual 1.

Jadual 1 : Ciri-Ciri Demografi Responden

PERKARA	BILANGAN	PERATUS
Jantina (n=303)		
Lelaki	247	81.5
Perempuan	56	18.5
Bangsa (n=303)		
Melayu	234	77.2
Cina	44	14.5
India	23	7.6
Lain-lain	2	0.7

Umur (n=303)		
20 tahun dan ke bawah	51	16.8
20 – 29 tahun	173	57.1
30 – 39 tahun	62	20.5
40 – 49 tahun	14	4.6
50 tahun dan ke atas	3	1.0
Status Perkahwinan (n=303)		
Bujang	229	75.6
Berkahwin	74	24.4
Tahap Pendidikan Tertinggi (n=303)		
SRP / PMR	28	9.2
SPM	39	12.9
STPM	28	9.2
Diploma / Matrikulasi	91	30.0
Ijazah	117	38.6
Kategori Responden (n=303)		
Pelajar	112	37.0
Pekerja	191	63.0

Penggunaan Internet Responden

Ciri-ciri penggunaan Internet oleh responden dapat ditinjau melalui Jadual 2. Penggunaan Internet oleh responden merangkumi aspek pemilikan komputer, capaian ke atas Internet, lokasi melayari Internet, tempoh dan kekerapan melayari Internet untuk tujuan seks siber, pengalaman menggunakan Internet dan kemudahan Internet yang sering digunakan responden untuk mendapatkan bahan pornografi di Internet.

Jadual 2 : Penggunaan Internet Oleh Responden

PERKARA	BILANGAN	PERATUS
Pemilikan Komputer		
Ya	260	85.8
Tidak	43	14.2
Capaian Ke Atas Internet		
Ya	234	77.2
Tidak	69	22.8
Lokasi Melayari Internet		
Rumah	163	53.8
Kafe Siber	60	19.8
Tempat Kerja	74	24.4
Sekolah / Universiti	6	2.0
Tempoh Melayari Internet Untuk Tujuan Aktiviti Seks Siber Dalam Setiap Sesi		
Kurang daripada 2 jam	145	47.9
2 – 4 jam	147	48.5

Lebih daripada 4 jam Min = 2.02 jam	11	3.6
Kekerapan Melayari Internet Untuk Tujuan Aktiviti Seks Siber Dalam Seminggu		
Kurang daripada 4 kali	146	48.2
4 – 8 kali	136	44.9
Lebih daripada 8 kali	21	6.9
Min = 5.08 kali		
Pengalaman Menggunakan Internet		
Kurang Berpengalaman	23	7.6
Sederhana	87	28.7
Berpengalaman	193	63.7
Kemudahan Internet Yang Sering Digunakan Responden Untuk Mendapatkan Bahan Pornografi di Internet		
IRC / ICQ	137	45.2
E-mel	28	9.2
Laman Web	46	15.2
Kumpulan diskusi (eg Usenet, newsgroup)	92	30.4

Faktor-Faktor Yang Mendorong Pengguna Internet Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Seks Siber

Hasil kajian mendapati faktor utama yang mendorong responden kajian melibatkan diri dalam aktiviti seks siber ialah faktor kemudahan capaian ke atas bahan-bahan lucah melalui Internet dan diikuti oleh faktor-faktor lain seperti pada Jadual 3.

Jadual 3 : Peratus Responden Mengikut Tahap Persetujuan Terhadap Faktor-Faktor Yang Mendorong Mereka Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Seks Siber

	Setuju (%)	Kurang Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Faktor Kemudahan	90.8	5.3	4.0
Faktor <i>Anonymity</i>	85.1	11.6	3.3
Faktor Keselesaan	83.2	10.9	5.9
Faktor Interaktif	76.2	8.6	15.2
Faktor Melepaskan Tekanan Perasaan	44.2	11.9	43.9

Kesan Aktiviti Seks Siber

Kesan aktiviti seks siber ke atas tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja dapat ditinjau melalui Jadual 4, 5, 6 dan 7.

Jadual 4 : Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Tingkahlaku Seksual

	Setuju (%)	Kurang Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Menonton bahan-bahan lucu di Internet merupakan suatu cara mudah untuk melepaskan nafsu seks.	55.8	16.5	27.7
Keinginan seks saya meningkat setiap kali menonton gambar-gambar lucu di Internet.	46.9	19.8	33.3
Melepaskan nafsu seks di Internet dengan cara beronani lebih mudah berbanding mengadakan hubungan seksual.	36.3	7.9	55.8
Saya sering melepaskan nafsu seks dengan cara beronani semasa menonton bahan-bahan lucu di Internet.	35.6	6.6	57.8

Jadual 5 : Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Hubungan Keluarga

	Setuju (%)	Kurang Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Saya sering menghabiskan masa dengan aktiviti seks siber pada ketika saya sepatutnya menggunakan masa itu bersama keluarga.	13.5	7.9	78.5
Hubungan saya dengan ahli keluarga semakin renggang kerana aktiviti seks siber ini.	12.2	9.2	78.5
Saya lebih suka menghabiskan masa dengan aktiviti seks siber daripada meluangkan masa dengan ahli keluarga.	10.2	11.6	78.2
Saya merasa tidak senang apabila diganggu ketika sedang melakukan aktiviti seks siber.	8.6	15.5	75.9

Jadual 6 : Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Motivasi Belajar

	Setuju (%)	Kurang Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Saya sering menghabiskan masa dengan aktiviti seks siber pada ketika saya sepatutnya mengulangkaji pelajaran.	9.8	9.8	80.4
Saya sering menangguhkan kerja sekolah semata-mata melungsur Internet untuk tujuan aktiviti seks siber dengan lebih lama.	6.3	11.6	82.1
Saya kerap kali gagal menyiapkan kerja sekolah kerana ghairah dengan aktiviti seks siber.	3.6	8.9	87.5
Motivasi untuk belajar semakin merosot akibat keghairahan saya dengan aktiviti seks siber ini.	3.6	5.4	91.1

Jadual 7 : Peratus Responden Mengikut Item Bagi Kesan Aktiviti Seks Siber Ke Atas Motivasi Kerja

	Setuju (%)	Kurang Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
Saya sering menangguhkan kerja semata-mata melungsur Internet untuk tujuan aktiviti seks siber dengan lebih lama.	18.3	14.1	67.5
Motivasi untuk bekerja semakin merosot akibat keghairahan saya dengan aktiviti seks siber ini.	14.7	15.2	70.2
Saya sering menghabiskan masa dengan aktiviti seks siber pada ketika saya sepatutnya bekerja.	13.6	16.8	69.6
Saya kerap kali gagal menyiapkan kerja kerana ghairah dengan aktiviti seks siber.	13.6	16.8	69.6

Perkaitan Antara Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Aktiviti Seks Siber Dengan Kesan Ke Atas Responden

Hasil kajian mendapati tempoh penggunaan Internet untuk tujuan seks siber mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesan ke atas tingkahlaku seksual, hubungan keluarga, motivasi belajar dan motivasi kerja (Jadual 8).

Jadual 8 : Perkaitan Antara Tempoh Penggunaan Internet Untuk Tujuan Aktiviti Seks Siber Dengan Kesan Ke Atas Responden

Pembolehubah	Nilai r *
Kesan Ke Atas Tingkahlaku Seksual (n=303)	0.708
Kesan Ke Atas Hubungan Keluarga (n=303)	0.373
Kesan Ke Atas Motivasi Belajar (n=121)	0.356
Kesan Ke Atas Motivasi Kerja (n=191)	0.347

* Paras Keertian 0.01

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan majoriti ahli-ahli kumpulan *newsgroup* yang menjadi sampel kajian adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur 15 hingga 35 tahun. Lebih mendukacitakan lagi, majoriti daripada mereka adalah terdiri daripada belia Melayu berbanding dengan belia daripada keturunan lain. Kajian juga mendapati lebih daripada tiga perempat ahli-ahli kumpulan *newsgroup* ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi iaitu diploma dan ijazah ke atas.

Daripada aspek penggunaan Internet oleh responden, hasil kajian mendapati purata tempoh melayari Internet yang dihabiskan oleh responden untuk tujuan seks siber ini adalah sebanyak 2.02 jam bagi setiap sesi, manakala responden secara purata melayari Internet untuk tujuan yang sama sebanyak 5.08 kali dalam seminggu. Sementara itu melalui kajian ini juga didapati aplikasi Internet seperti IRC dan kumpulan diskusi Internet - *newsgroup* menjadi pilihan utama responden kajian untuk mendapatkan bahan-bahan lucu dan *berchatting* di Internet.

Daripada aspek faktor-faktor yang mendorong responden melibatkan di dalam aktiviti seks siber, hasil kajian mendapati lebih daripada 90% responden kajian bersetuju bahawa faktor kemudahan capaian ke atas bahan-bahan lucu melalui Internet mendorong mereka melibatkan diri di dalam aktiviti seks siber. Ini diikuti oleh faktor kebolehrahsiaan identiti - *anonymity* (85.1%), faktor keselesaan ketika melayari Internet untuk tujuan seks siber (83.2%), faktor interaktif yang dimiliki oleh Internet (76.2%) dan faktor untuk melepaskan tekanan perasaan (44.2%).

Secara umumnya kajian ini berjaya membuktikan bahawa penggunaan Internet secara keterlaluan akan memberi kesan ke atas tingkahlaku individu. Hasil kajian menunjukkan individu yang melayari laman web lucu atau *berchatting* di *channel-channel* erotik secara aktif akan mengalami masalah hubungan keluarga, penurunan motivasi belajar dan motivasi kerja. Manakala pendedahan terhadap bahan-bahan lucu di Internet dalam tempoh yang lama akan meningkat keinginan individu untuk melepaskan nafsu seksnya semasa sesi Internet berlangsung.

Hasil daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan kewujudan fenomena ketagihan seks siber di kalangan para belia hari ini telah menjejaskan kerukunan institusi keluarga dan masyarakat secara amnya. Sebagai pemimpin keluarga, ibu bapa seharusnya memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan hubungan yang mesra dan harmoni antara ahli-ahli keluarga. Ibu bapa juga harus mengambil berat dan mengetahui setiap aktiviti ahli-ahli keluarganya lebih-lebih lagi berkaitan dengan penyalahgunaan Internet untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah. Pihak majikan juga disarankan memantau setiap aktiviti yang dilakukan oleh para pekerjanya. Kegiatan melayari laman web lucah dan berchatting di channel-channel erotik semasa waktu pejabat adalah suatu perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Pekerja-pekerja yang mengalami masalah penurunan motivasi kerja harus dikenalpasti puncanya dan diberi kaunseling serta nasihat. Manakala pihak kerajaan digesa untuk memperketatkan lagi peraturan yang sedia bagi mengawal corak penggunaan Internet lebih-lebih lagi di kafe-kafe siber. Semua pihak harus memainkan peranan yang aktif dalam membendung gejala ketagihan seks siber ini daripada berlarutan.

RUJUKAN

- Brenner, V. (1997). *The Result Of An Online Survey For The First Thirty Days*. Kertas kerja yang dibentangkan pada 105th Annual Meeting Of The American Psychological Association pada 18 Ogos 1997 di Chicago IL.
- Cooper, A., Putnam, D., Planchon, D.A, & Boies, 'S.C. (1999). *Online Sexual Compulsivity: Getting Tangled In The Net*. *Sexual Addiction & Compulsivity*, 7(1), ms 5-30.
- Davis, R. A. (2001). *Cyberslacking: Internet Abuse in the workplace*. [Online] Available : <http://www.internetaddiction.ca/cyberslacking.htm>. (10 Jun 2001)
- Griffiths, M. (1997). *Does Internet and Computer Addiction Exist ? Some Case Study Evidence*. Kertas kerja yang dibentangkan pada 105th Annual Meeting Of The American Psychological Association pada 18 Ogos 1997 di Chicago IL.
- Morahan-Martin, J. (1997). *Incidence And Correlates Of Pathological Internet Use*. Kertas kerja yang dibentangkan pada 105th Annual Meeting Of The American Psychological Association pada 18 Ogos 1997 di Chicago IL.
- Rozmi Ismail (2001). *Pengaruh Laman web Lucah Di Kalangan Mahasiswa*. Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) pada 13 dan 14 Julai 2001 di Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur
- Scherer, K. (1997). *College Life Online: Healthy And Unhealthy Internet Use*. *Journal Of College Development*, 38, ms. 655-665.
- Schneider, J. P. (2000a). *Effect of Cybersex Addiction On The Family: Result Of A Survey*. *Sexual Addiction & Compulsivity*, 7(1), ms. 31-58.
- Young, K. S. (1997a). *What Makes Online Usage Stimulating ? Potential Explanations For Pathological Internet Use*. Kertas kerja yang dibentangkan pada 105th

Annual Meeting Of The American Psychological Association pada 15 Ogos 1997
di Chicago IL.

Young, K. S. (1999b). *Cybersexual Addiction*. [Online] Available : [http://www.
Netaddiction.com/cybersexual_addiction.htm](http://www.Netaddiction.com/cybersexual_addiction.htm). (30 Julai 2001)

Industri Bahan Lucah Dunia Bernilai RM 76 Billion Setahun. (15 Ogos 2001). [Online]
Available : <http://www.agendadaily.com/details.php?id=53> (27 September 2001).